



URUS SETIA JAWATANKUASA KEWANGAN & PEMBANGUNAN  
PEJABAT BENDAHARI  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
40450 SHAH ALAM

TEL: (03) 5544 3430/1  
FAX: (03) 5544 3302

Ruj. Kami : 100-BBI(PTA. 9/4/1)(JKP 183/2013)  
Tarikh : 28 Mac 2013

Penolong Naib Canselor  
Institut Kepimpinan & Pengurusan Kualiti (ILQaM)  
Aras 5, Bangunan Akademik 2  
UiTM Shah Alam

YBhg. Prof. Datin

**CADANGAN PENETAPAN KADAR BAYARAN SAGUHATI KEPADA PENSYARAH/  
PENCERAMAH DAN FASILITATOR BAGI KURSUS YANG DIKENDALIKAN  
OLEH INSTITUT KEPIMPINAN & PENGURUSAN KUALITI (iLQAM)  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
(AGENDA D 3921)**

Dengan segala hormatnya YBhg. Prof. Datin dirujuk kepada perkara di atas.

Berikut ialah petikan minit Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan ke-183 bertarikh 27 Mac 2013 yang belum disahkan untuk perhatian dan tindakan YBhg. Prof. Datin selanjutnya. Adalah dimaklumkan minit mesyuarat ini akan disahkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan akan datang.

**KEPUTUSAN:**

Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan bersetuju meluluskan penetapan kadar bayaran saguhati kepada pensyarah/penceramah dan fasilitator bagi kursus yang dikendalikan oleh Institut Kepimpinan & Pengurusan Kualiti (iLQAM) Universiti Teknologi MARA seperti berikut:

PERKARA	KADAR BAYARAN
Penceramah Pakar (tempatan)	RM600.00 sejam
Expertise Industri (tempatan)	Tidak melebihi RM5,000.00 satu sesi atau sehari
Pakar Runding Luar (tempatan) (Pakar korporat dengan PhD)	Tidak melebihi RM10,000.00 satu sesi atau sehari
Pakar Runding Luar (tempatan) (Pakar korporat tanpa PhD)	Tidak melebihi RM6,000.00 satu sesi atau sehari

Kelulusan ini adalah berkuat kuasa mulai 1 Januari 2013.




ISO 9001:2008 Certificate No. KLR 0500283  
Minit JKP 183 (Agenda D 3921 – 27/03/13)



Sekian, untuk perhatian dan tindakan YBhg. Prof. Datin seterusnya.

Yang benar



**SANIP WAHID**  
Bendahari UiTM

s.k.:

1. Penolong Bendahari  
Unit Kewangan Zon 7  
Pejabat Bendahari  
UiTM Shah Alam




**URUSETIA JAWATANKUASA KEWANGAN & PEMBANGUNAN  
PEJABAT BENDAHARI  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
40450 SHAH ALAM**

FAX: (03) 5544 3302  
TEL: (03) 5544 3430/1

Rujukan : 100-BBI(PW B 9/4/1)(JKP 151/2007)  
Tarikh : 28 Februari 2007

Ketua Timbalan Pendaftar  
Jabatan Pengurusan Sumber Manusia  
Pejabat Pendaftar  
UiTM Shah Alam



Puan

**GARIS PANDUAN KHUSUS PELANTIKAN TRAINERS PROFESSIONAL  
DAN PENCERAMAH JEMPUTAN MASYHUR  
(AGENDA 2426 - JKP 145 - PERKARA BERBANGKIT)**

Dengan segala hormatnya puan dirujuk kepada perkara di atas.

Berikut ialah petikan minit mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan Ke-151 bertarikh 6 Februari 2007 yang belum disahkan untuk perhatian dan tindakan puan selanjutnya. Adalah dimaklumkan minit mesyuarat ini akan disahkan dalam mesyuarat akan datang dan akan dikemukakan untuk dipraktikkan oleh Lembaga Pengarah UiTM.

**Keputusan:**


1. Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan telah meluluskan Garis Panduan khusus bagi pelantikan *trainers professional* dan penceramah jemputan masyhur seperti di Lampiran A.
2. Bagi penceramah pakar tersohor dimana kadar bayaran melebihi kadar seperti di Garis Panduan tersebut, pelantikan dan penetapan kadar bayaran diturunkan kepada Jawatankuasa Pelantikan Penceramah Pakar Tersohor yang akan dianggotai oleh:

- Pengerusi : Naib Canselor
- Ahli : Timbalan Naib Canselor  
(Akademik & Pengantarabangsaan)
- : Pendaftar
- : Bendahari
- Setiausaha : Ketua Timbalan Pendaftar  
Jabatan Pembangunan Sumber Manusia


Kelulusan ini berkuatkuasa mulai 6 Februari 2007.

Sekian, untuk perhatian dan tindakan puan seterusnya.

Yang benar



**SANIP WAHID**  
Bendahari UiTM

- s.k.  1. Pendaftar  
Universiti Teknologi MARA  
Shah Alam
2. Penolong Bendahari Kanan  
Unit Kewangan Zon 2  
Pejabat Bendahari  
UiTM Shah Alam

AHS/aa

MJKP 151- Perkara Berbangkit D2426

**GARIS PANDUAN PELANTIKAN 'TRAINERS PROFESSIONAL' DAN  
PENCERAMAH JEMPUTAN MASYHUR**

1. Seboleh mungkin, program latihan dan pembangunan staf di UiTM hendaklah menggunakan kepakaran dalaman sebagai mengiktiraf kelayakan, pengalaman serta keupayaan pensyarah dan staf pengurusan UiTM sendiri. Kadar bayaran adalah mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 2005 yang telah diluluskan pemakaiannya oleh Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan UiTM dalam mesyuarat ke 148 bertarikh 22 Jun 2006.
2. Pelantikan "*trainers professional*" dan pensyarah jemputan masyhur boleh dibuat sebagai salah satu cara mendapatkan input luaran.
  - a. Untuk menjemput "*trainers professional*" dan pensyarah jemputan masyhur luar negara, permohonan hendaklah dikemukakan kepada Naib Canselor.
  - b. Bagi menjemput "*trainers professional*" dan pensyarah jemputan masyhur tempatan bagi program latihan akademik, permohonan hendaklah dikemukakan kepada Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Pengantarabangsaan)
  - c. Manakala Pelantikan "*trainers professional*" dan pensyarah jemputan masyhur tempatan untuk program latihan anjuran JPbSM hendaklah dikemukakan kepada Jawatankuasa Latihan dan Pembangunan Staf.

Rujukan : (Item 4.1, 4.2 dan 5 Mesyuarat JKP ke 148 pada 22 Jun 2006).

3. Permohonan untuk mendapatkan kepakaran penceramah jemputan masyhur "*trainers professional*" tersebut hendaklah disertai dengan profil lengkap "*trainers professional*" dan pensyarah jemputan masyhur berkenaan, kelulusan akademik, kelulusan profesional, bidang kepakaran, agensi-agensi yang telah menerima perkhidmatan mereka dan surat-surat perakuan prestasi dari agensi-agensi berkenaan. Sesalinan kertas kerja atau slide (dalam bentuk softcopy) yang akan dibentangkan mestilah juga disertakan dan menjadi hakmilik UiTM.
4. Cadangan jumlah bayaran kepada "*trainers profesional*" / pensyarah jemputan masyhur luar negara adalah seperti berikut:

Perkara Bayaran	Kadar (RM)
Honorarium	RM6,000.00 (untuk 1 hingga 3 hari)
Tambang kapal terbang	Business class
Penginapan	RM220.00++
Elaun harian (jika lebih satu hari)	RM100.00 sehari
Pengangkutan (jika kenderaan UiTM tidak disediakan)	50.00 sehari

5. Cadangan jumlah bayaran kepada "trainers profesional" dan pensyarah jemputan masyhur tempatan adalah sepeberti berikut:

Perkara Bayaran	Kadar (RM)
Penceramah Pakar (tempatan)	RM400.00 sejam bagi pakar korporat dan PhD
Expertise Industri (tempatan)	RM3,000.00 sesesi sehari
Pakar Runding Luar (tempatan)	RM3,000.00 sesesi sehari

Rujukan: Keputusan JKP ke 148 pada 22 Jun 2006

6. Antara tugas "trainers profesional" / pensyarah jemputan masyhur ialah memberi ceramah/khidmat nasihat dalam topik yang dipersembahkan tidak kurang dari 6 jam.
7. Bagi memastikan "return on investment" dan impak program latihan yang dijalankan:
- peserta kursus akan membuat Penilaian Latihan Yang Dianjurkan.
  - Ketua Bahagian/ Dekan/ Pengarah Kampus dikehendaki membuat Penilaian Keberkesanan Latihan ke atas staf masing-masing yang telah menghadiri latihan berkenaan.
8. Pelantikan semula "trainers profesional" dan pensyarah jemputan masyhur untuk program latihan berikutnya cuma akan dibuat sekiranya pihak pengurusan UiTM berpuashati dengan prestasi mereka.



# LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

## Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan

Rujukan : 100-BBI(PW B 9/4/1) (JKP 148)  
Tarikh : 11 Oktober 2006

**Pendaftar**  
**Aras 3, Bangunan Canseleri**  
**Universiti Teknologi MARA**  
**40450 SHAH ALAM**

Puan,

**PERMOHONAN UNTUK MENGGUNAPAKAI PEKELILING PERBENDAHARAAN  
BILANGAN 2 TAHUN 2005 YANG BERKAITAN KADAR BAYARAN SAGUHATI  
KEPADA PENSYARAH / PENCERAMAH DAN FASILITATOR SAMBILAN (2634)**

Dengan segala hormatnya pihak puan adalah dirujuk mengenai perkara di atas.

Berikut ialah petikan minit mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan ke 148 bertarikh 22 Jun 2006, yang telah disahkan pada 26 September 2006 untuk makluman dan tindakan puan selanjutnya.

### **KEPUTUSAN**

Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan meluluskan menggunakan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 tahun 2005 yang berkaitan Kadar Bayaran Saguhati kepada Pensyarah/ Penceramah dan Fasilitator Sambilan bagi:

1. Diguna-pakai Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 tahun 2005 untuk bayaran:
  - 1.1 Latihan untuk staf pentadbiran bagi program anjuran JPbSM
  - 1.2 Latihan untuk staf akademik seperti Kursus Asas Metodologi Pengajaran untuk pensyarah baru, Kursus Asas Pentadbiran bagi Ketua Program yang baru dilantik dan seumpamanya yang dikendalikan oleh ILQaM (tetapi bukan syarahan berbentuk akademik).
  - 1.3 Kadar yang ditetapkan dibawah pekeling ini tidak meliputi syarahan sambilan (akademik).
2. Diguna-pakai kadar bayaran 'Expertise' Industri/Konsultan Luar/Kepakaran Dalaman yang diluluskan oleh JKP ke-140 Agenda C 2346 berikut dalam lantikan pentadbiran (JPbSM dan ILQaM):





Perkara Bayaran	Kadar (RM)
Penceramah Pakar (tempatan)	RM 400-00 sejam bagi pakar korporat dan PhD
Expertise Industri (tempatan)	RM 3,000-00 sesesi sehari
Pakar Runding Luar (tempatan)	RM 3,000-00 sesesi sehari


3. Membatalkan penggunaan kadar bayaran penceramah didalam Kursus Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) dan lain-lain program kursus akademik dan pentadbiran anjuran ILQaM dan lain-lain bahagian di UiTM yang dilulus oleh JKP 140 bertarikh 30 September 2004. Pembatalan tidak meliputi kadar bayaran kepakaran penceramah tempatan, Expertise Industri (tempatan) dan Pakar Runding (tempatan) yang dilanjutkan penggunaan melalui para 5.
4. Menurunkan kuasa untuk menimbang dan memperakukan kepakaran penceramah tempatan, Expertise Industri (tempatan) dan Pakar Runding (tempatan) kepada:
  - 4.1 Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Pengantarabangsaan) bagi program latihan akademik.
  - 4.2 Jawatankuasa Latihan dan Pembangunan Staf bagi program latihan anjuran JPbSM.
5. Menurunkan kuasa untuk menimbang dan meluluskan kadar bayaran bagi Perunding Luar Negara kepada Naib Canselor UiTM.
6. Melanjutkan penggunaan kadar bayaran honorarium bagi program yang dikendalikan dengan menggunakan Akaun Amanah seperti surat arahan Naib Canselor bil:100-UiTM (NC 9/14) bertarikh 30 Januari 2004 iaitu:

Perkara Bayaran	Kadar (RM)
Penceramah (tempatan)	RM 200-00 sejam
Penceramah (biasa) Jika dibuat diluar waktu pejabat	RM 100-00 sejam
Penceramah (biasa) Jika dibuat didalam waktu pejabat dan tidak mengambil cuti rehat	RM 50-00 sejam

Kelulusan berkuatkuasa mulai 1 Julai 2006.

Sekian, untuk makluman dan tindakan tuan selanjutnya.

Yang benar,

  
SANIP WAHID

Bendahari

Universiti Teknologi MARA



- s.k.
1. Y.Bhg. Dato' Prof. Ir. Dr. Sahol Hamid Abu Bakar  
Timbalan Naib Canselor  
(Akademik dan Pengantarabangsaan)  
Aras 4, Bangunan Canseleri
  2. Prof Madya Dr Mohd Mustafa Mohd Ghazali  
Penolong Naib Canselor  
Institut Kepimpinan dan Pengurusan Kualiti (ILQaM)
  3. Ketua Timbalan Pendaftar, JpBSM
  4. Timbalan Bendahari, Unit Kewangan Zon 2
  5. Penolong Bendahari, Unit Kewangan Zon 7



*Ketua Bahagian  
Penolong Pendaftar  
pej. eksekutif.*

*Copy PNR*



*Farha*





## KEMENTERIAN KEWANGAN

## PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 2 TAHUN 2005

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
 Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
 YB Setiausaha Kerajaan Negeri  
 Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun  
 Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

**PERATURAN MENGENAI KADAR-KADAR DAN SYARAT-SYARAT  
 BAYARAN SAGUHATI KEPADA PENSYARAH/PENCERAMAH DAN  
 FASILITATOR SAMBILAN**

Tujuan Pekeliling ini adalah untuk memaklumkan peraturan dan kadar baru mengenai bayaran saguhati kepada pegawai Kerajaan yang memberi syarahan/ceramah secara sambilan atau menjadi fasilitator sambilan dalam kursus/bengkel/majlis rasmi yang dianjurkan oleh Kementerian/Jabatan. Peraturan ini adalah bagi menggalakkan perkongsian maklumat, pengurusan pengetahuan dan pembinaan kapasiti modal sumber manusia ke arah penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan yang cekap dan berkesan.

2. Semua pegawai tetap, kontrak, sementara, sambilan dan sangkut yang memberi syarahan/ceramah sambilan atau menjadi fasilitator sambilan adalah layak dibayar saguhati atas kadar seperti berikut:

Kumpulan Perkhidmatan	Kadar Bayaran Saguhati		Had Maksimum Sebulan
	Pensyarah/Penceramah Sambilan	Fasilitator Sambilan	
Kumpulan Pengurusan Tertinggi	RM300.00 sejam	RM100.00 sejam	Tidak melebihi ½ daripada gaji bulanan pegawai
Kumpulan Pengurusan & Profesional Gred 53 & 54	RM200.00 sejam	RM100.00 sejam	
Kumpulan Pengurusan & Profesional Gred 45 - 52	RM150.00 sejam	RM90.00 sejam	



Kumpulan Pengurusan & Profesional Gred 41 - 44	RM120.00 sejam	RM80.00 sejam	
Kumpulan Sokongan	RM80.00 sejam	RM60.00 sejam	

3. Kelayakan bayaran saguhati ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

(i) pegawai yang memberi syarahan/ceramah atau dilantik sebagai fasilitator hendaklah mendapat kelulusan daripada Ketua Jabatannya;

(ii) memberi syarahan/ceramah atau menjadi fasilitator bukan merupakan sebahagian daripada tugas rasmi pegawai;

(iii) pegawai dari unit/institusi latihan/pengajian, maktab/institusi perguruan dan sekolah di mana tugas memberi syarahan/ceramah adalah sebahagian daripada tugas mereka, bayaran saguhati boleh dibayar sekiranya kursus/bengkel/majlis rasmi bukan dianjurkan dan bukan merupakan program jabatan/institusi/maktab/sekolah yang sama;

(iv) urusetia yang memberi syarahan/ceramah atau menjadi fasilitator dalam program yang dianjurkannya tidak layak bayaran saguhati di bawah Pekeliling ini;

(v) bayaran saguhati boleh diberi mengikut kadar setengah jam bagi setiap setengah jam yang genap sekiranya waktu syarahan/ceramah yang ditetapkan oleh penganjur kursus/bengkel/majlis rasmi melebihi satu jam; dan

(vi) pensyarah/penceramah/fasilitator sambilan yang diberikan cenderamata adalah tidak layak dibayar saguhati di bawah Pekeliling ini.

4. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling ini, Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 1995 dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 1 Tahun 1996 adalah dibatalkan.


5. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Badan Berkanun Persekutuan/Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan.

6. Pekeliling ini berkuat kuasa pada 1 September 2005.

Sekian, Terima Kasih

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,



(Dato' Izzuddin Bin Dali)

100





Ketua Setiausaha Perbendaharaan  
16 Ogos 2005

s.k. Ketua Setiausaha Negara  
Akauntan Negara Malaysia  
Ketua Audit Negara



**ANALISA PENGGUNAAN PEKELILING PERBENDAHARAAN  
BIL 2 TAHUN 2005 DIKALANGAN IPTA**

<b>Bil</b>	<b>IPTA</b>	<b>Sudah Gunapakai</b>	<b>Belum Gunapakai</b>
1	UM	Untuk pentadbiran sahaja	
2	USM	Mulai 2006	
3	UTM		Belum
4	UPM	Mulai 2006	
5	UKM	Untuk Non-Akademik sahaja	
6	UUM	Mulai 2006	
7	UNIMASabah		Belum
8	U.Sarawak		Belum
9	UIAM		Belum
10	UPSI	Untuk pentadbiran & Pensyarah Luar sahaja	
11	KUKTEM, Melaka	Mulai 2006	
12	INTAN	Mulai 2006	

11

